

ISSUE #60/30 NOVEMBER 2025

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



BEAUTY WITH BRAIN
MAHKOTA DEWI REMAJA 2025 MILIK

Nylea



NENEK NYLEA LEBIH EXCITED!

Dewi Remaja 2025 melabuhkan tirainya dengan penuh gemilang apabila Nylea Adnan, 25, dinobatkan sebagai juara.

Peserta muda yang mencuri perhatian sejak awal ini membuktikan kecantikan sebenar terletak pada gabungan intelektual, keteguhan jiwa dan disiplin tinggi yang terpancar dalam setiap cabarannya.

"Alhamdulillah semua usaha saya membuahkan hasil. Saya bangga dengan diri saya sendiri dan saya juga ingin ucap terima kasih kepada diri saya kerana berjaya sampai ke peringkat akhir. Impian saya bermula pada Julai tahun ini dan saya tak pernah terfikir this is going to be my path," ujarnya kepada Gempak.

Menurut Nylea, penyertaannya dalam Dewi Remaja tidak pernah dirancang kerana dunia hiburan bukan laluan yang dibayangkannya. Semuanya bermula apabila neneknya memperkenalkan program itu dan sejak di sekolah lagi, wanita itu menjadi individu pertama yang melihat potensi kreatif dalam dirinya.

"Nenek yang kenalkan saya dengan program Dewi Remaja ini sebab dulu masa sekolah, saya tidak menonton program ini. Saya lebih suka cerita penyiasatan tetapi nenek saya pula suka menonton Dewi Remaja dan kenalkan pada saya... Sebenarnya nenek saya sudah mendorong saya ketika saya di bangku sekolah lagi.

"Tapi sejak saya buat Ijazah, saya mula terlibat dengan bidang Kebudayaan di universiti. Dari situlah saya mula mengenali industri hiburan sedikit demi sedikit," jelasnya yang turut menyatakan minat terhadap tarian, teater dan nyanyian muncul secara semula jadi sejak kecil.

Sepanjang program, Nylea menonjol melalui personalitinya yang tulus, tenang dan tidak berlebihan. Tanpa drama atau pencitraan keterlaluan, kelembutan wajah dan tutur katanya sudah cukup memikat hati ramai serta menjadikan dirinya antara peserta paling konsisten setiap minggu.

Sebagai juara Dewi Remaja 2025, Nylea membawa pulang RM15,000, selempang dan trofi, selain unggul dalam empat daripada tujuh cabaran mingguan yang menjadikannya antara peserta paling menyerlah. Keyakinan dan versatilitinya memuncak di pentas akhir melalui persembahan bebas dan sesi soal jawab yang mantap.

Naib juara menjadi milik Nelysa Kay dengan hadiah RM10,000, manakala Dheper meraih tempat ketiga dengan RM5,000. Marisa di tempat keempat menerima RM2,000 bersama selempang dan trofi.

Elisha Chew pula dipilih sebagai Dewi Persahabatan dengan ganjaran RM2,000, dan peserta Tuaran, Sabah, Sharmaine dinobatkan sebagai Dewi Favourite selepas mengumpul lebih 90,000 undian.

Di runway Nylea tampil anggun bak ratu, namun dalam sesi wawancara dia hadir sebagai figura matang dan bijaksana. Gabungan kecantikan, karakter dan ketenangan itulah yang mengukuhkan kedudukannya sebagai pilihan tepat untuk bergelar Juara Dewi Remaja 2025. - MYA AMRI



Konsisten, Berkualiti dan ‘All-Rounder’, Nylea Layak Menang!

Kemenangan Juara Dewi Remaja 2025 tidak perlu dipertikaikan lagi kerana Nylea memang selayaknya bergelar juara.

Menurut Ketua Bahagian New Gen & Men's merangkap Editor Pengurusan Remaja, Fiezreen Ahmad, pencapaian Nylea sepanjang pertandingan Dewi Remaja 2025 sudah cukup menunjukkan kemampuannya sebagai peserta paling konsisten musim ini.

Tidak hanya terserlah di mata penonton, malah prestasinya turut dapat dilihat pada pencapaian cabaran mingguan.

"Nylea merupakan seorang yang sangat konsisten daripada episod pertama hinggalah akhir, seperti yang kita tahu Dewi Remaja dalam setiap episod kita disigakan untuk mengajar mereka tentang sesuatu.

"Nylea menang empat daripada lapan cabaran yang diberikan. Sebab itu kami rasa Nylea adalah all rounder dalam pertandingan Dewi Remaja ini," ujarnya.

Tambah Fiezreen lagi, bagi produksi keupayaan Nylea untuk mengekalkan momentum prestasi dalam setiap tugas menjadikan dirinya calon yang paling menonjol dan berpotensi mara lebih jauh.

"Dia memang layak menang dan saya rasa kita pun dah boleh lihat juri di belakang tabir boleh rasa siapa yang akan berada di top 6, top 4 atau pun top 3.

"Cuma malam penentuan itu sahaja yang boleh berubah dan akhirnya Nylea dinobatkan sebagai juara," jelasnya.

Nylea atau pemilik nama lengkap Nylea Adnan, wanita cantik dengan kulit sawi matang ini menyimpan hasrat untuk terbang tinggi dalam dunia seni.

Dengan pesona lembut, keyakinan diri yang tinggi dan juga kepetahannya ketika berbicara membuatkan Nylea memiliki pekej lengkap seorang Dewi Remaja.

Di sebalik kejayaannya, terdapat beberapa trivia mengenai Nylea:

Tak ambil tahu tentang Dewi Remaja ketika dibangku sekolah

Menurut Nylea, ketika dibangku sekolah, dia tidak menonton apatah lagi mengambil tahu tentang program Dewi Remaja kerana dia lebih berminat dengan rancangan yang mengisahkan tentang penyiasatan.

Masuk Dewi Remaja kerana nenek

Kata Nylea, neneknya lah yang menjadi titik permulaan perjalanannya dalam Dewi Remaja. Malah kata Nylea nenek kesayangannya itu merupakan peminat nombor satu Dewi.

Merupakan seorang penari

Tidak hairanlah mengapa Nylea kelihatan tidak kekok semasa mempersembahkan tarian sewaktu di pentas akhir Dewi Remaja 2025, rupanya bintang berusia 23 tahun ini merupakan seorang penari.

"Sejak saya menyambung pelajaran ke peringkat ijazah, saya mula terlibat dengan bidang kebudayaan di universiti," ujarinya.

Kreatif dan minat dengan sukan gimnastik

Nampak seperti seorang yang lemah lembut tetapi Nylea sangat minat dengan sukan dan gimnastik.

Malah dia juga pernah bermula dengan sukan gimnastik berirama sewaktu kecil.

"Saya merupakan seorang yang sangat kreatif dan saya bermula dengan sukan sebenarnya iaitu gimnastik berirama.

"Benda itu berkaitan dengan tarian jadi saya dah biasa buat persembahan (tarian) sejak kecil," katanya.

Merupakan pelajar jurusan ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

"Sebenarnya saya sekarang sedang menyambung pelajaran ke peringkat ijazah di UKM dan sudah final year. Jika tiada aral melintang, tahun hadapan saya grad. Insha-Allah.

"Walaupun saya masuk Dewi Remaja, namun saya tidak akan mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang pelajar," katanya.

Sangat sukakan Nabila Huda & Izara Aishah

Kata Nylea, dia melihat pelakon hebat, Nabila Huda sebagai seorang queen of versatile.

"Pada saya apa sahaja yang Nabila lakukan, dia kelihatan hebat dan slay. Nabila adalah idola saya. Selain itu saya juga sukakan Izara Aishah.

"Saya suka melihat cara Izara bawa dirinya, dia kelihatan sangat tenang, tidak kisah apa yang orang ingin katakan tentang dirinya, saya suka aurnya," ujar bintang yang berasal dari Kuala Lumpur ini.





Full House! Shanjei Kumar Perumal Terkejut Tengok Sambutan Macai Di Luar Negara - “Kami Tergamam Dengan Reaksi...”

Pengarah filem Macai, Shanjei Kumar Perumal berkongsi pengalaman manis apabila karya terbaharunya itu menerima sambutan luar biasa di beberapa festival filem antarabangsa, termasuk Festival Filem Rotterdam.

Menurut Shanjei, Macai telah dihantar ke empat festival filem luar negara setakat ini namun sambutan di Rotterdam benar-benar membuka mata seluruh pasukan produksi.

Katanya, pihak festival menyediakan dewan IMAX berkapasiti 700 penonton untuk tayangan Macai dan tidak menyangka kesemuanya penuh.

“Di Rotterdam, kami berada dalam kategori pertandingan utama mereka, Big Screen Competition. Ada lebih 400 filem dari seluruh dunia, tetapi hanya 14 sahaja dipilih untuk bertanding dan Macai adalah salah satunya.

“Kita dapat hall IMAX besar, 700 orang boleh muat, dan seluruh program itu full house. Saya dan pasukan pun tak percaya, siap tertanya-tanya betul ke ini hall Macai. Bila tengok penonton boleh gelak, boleh rasa sedih, boleh rasa kagum, kami memang tergamam dengan reaksi yang diberikan,” katanya kepada Gempak.

Mengulas mengenai jalan cerita, Shanjei menjelaskan ramai penonton sebelum ini meminta sambungan kepada filem kultus Jagat.

Namun menurutnya, Macai dipilih untuk bergerak dalam hala tuju berbeza walaupun masih mengangkat isu sosial.

“Sebenarnya selepas filem Jagat ramai yang minta untuk saya buat sambungan tapi kalau saya buat Jagat 2 atau 3 dia lebih berlatar belakangkan tahun 90-an jadi saya ambil isu yang berlaku sekarang iaitu pengambilan dan pengedaran dadah yang berleluasa dalam masyarakat Malaysia.

“Jadi saya nak ambil isu itu tapi saya tak mahu sama dengan filem Jagat saya guna isu tersebut tapi gunakan cara penyampaian yang berbeza,” tambahnya.

Filem Macai dibintangi Karnan G. Crack, Kuben Mahadevan, Irfan Zaini, Fabian Loo, dan Susan Lankester.



Belasungkawa: Babak Hidup Dharma Harun, Dua Kali Terlibat Produksi Hollywood Hingga 'Pulang' Seorang Diri

Berita pemergian aktor veteran tanah air, Dharma Harun Al Rashid pada usia 69 tahun mengundang rasa hiba dalam kalangan peminat dan rakan industri seni. Beberapa bulan sebelum menghembus nafas terakhir, kisah kesihatan dan kesukaran hidupnya mendapat perhatian ramai.

Beliau yang terkenal pada era 80-an pernah melakar nama menerusi watak ikonik Cikgu Azmi dalam filem Adik Manja dan dicalonkan sebagai Pelakon Lelaki Terbaik di Festival Filem Malaysia pertama.

Sepanjang kerjayanya, Dharma bukan sekadar pelakon tempatan, bahkan pernah terlibat dalam produksi antarabangsa termasuk filem *Anna and the King* (1999) memegang watak Noi.


Wataknya yang tenang, wajah bersahaja dan senyuman manis menjadi penarik kepada karakter-karakter yang dibawakan, menjadikan beliau pelakon pilihan ramai pengarah filem dan drama ketika itu. Antara filem lain lakonannya termasuk *Sikit Punya Gila*, *Aku Yang Berhormat*, dan *Langit Petang*.

Namun, tahun-tahun akhir kehidupannya penuh kesunyian. Masalah kesihatan seperti bengkak jantung, tiroid, paru-paru dan asma melemahkan tubuhnya.

Dharma meninggal dunia seorang diri dan hanya ditemui oleh anaknya, Muhammad Al Syafiq Mohamad Azman, sebelum dikebumikan di Tanah Perkuburan Raudhatul Sakinah, Kuala Lumpur pada 26 November 2025.

Walau jasadnya telah pergi, jasa dan bakti Dharma Harun Al Rashid dalam dunia seni kekal abadi. Beliau bukan hanya menyumbang pada industri hiburan tempatan, tetapi turut mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa.

Semoga rohnya dicucuri rahmat dan terus dikenang sebagai anak seni yang tulus dan berdedikasi. - MALIAH SURIP





Tajuk: Klepet

Pengarah: Indra Putra

Pelakon: Meerqueen, Aedy Ashraf, Nadhir Nasar

Genre: Thriller

RTiga rakan, Paly, Jany dan Wady, sedang menerokai Malaysia dengan 'motorhome' mereka. Kegembiraan mereka terbantut apabila seorang gadis Ukraine, Lola, yang melarikan diri daripada sindiket pemerdagangan manusia, bersembunyi di dalam 'motorhome' mereka. Pertemuan yang tidak dijangka ini menyebabkan kumpulan itu dalam situasi rumit, percubaan menyelamatkan dan penemuan mengejut sebuah beg mengandungi wang misteri.



Pengarah: Kayzee Cortez Karim

Pelakon: Dee Dee A'iene Peter, Heidi Abbyana, Fadzril Afandy, Rushdi Mornie Daud

Genre: Seram

Hanna adalah seorang wanita yang mengalami trauma dan sering berdepan ujian hidup. Ingin mengubah nasib yang menimpa dirinya, Hanna pergi bertemu bomoh Iban yang memberinya tangkal azimat, yang didakwa akan melindungi dirinya dari nasib malang. Bagaimanapun, di sebalik 'tuah' tangkal azimat itu, tersembunyi kegelapan yang perlahan-lahan memakan jiwanya.



Pengarah: Helfi Kardit

Pelakon: Aditya Zoni, Aurelia Lourdes, Ajeng Fauziah, Mutia Datau, Ageng Kiwi

Genre: Seram

Tahun 1920, ketika Indonesia masih di bawah penjajahan Belanda, seorang doktor muda bernama Giandra menyiasat seorang gadis kampung bernama Layla yang dirantai kerana dianggap tidak siuman. Namun, semakin dia berusaha merawat Layla, semakin dia sedar bahawa ada sesuatu yang tidak dapat dijelaskan oleh sains. Bersama seorang wartawan bernama Rikke, Giandra cuba membongkar misteri yang tersembunyi di Kampung Karuhun.

'Rumah Tanpa Luka', Dibo & 'Peluk' Ungguli Carta GMW

Carta Gempak Most Wanted (GMW) minggu ini menyaksikan dominasi 'Lebih Indah Berpisah' oleh Bella Astillah & Ade Govinda sebagai video muzik trending, diikuti oleh 'P Ramlee Saloma' (ALPHA) dan 'Alangkah' (Hael Husaini).

Dalam kategori lagu trending, 'Peluk' nyanyian Hael & Nadeera mendahului, sementara Siti Nurhaliza & Ade Govinda tersenarai di tempat berikutnya.

ALPHA turut mengekalkan momentum sebagai selebriti paling trending, diikuti Tracie Sinidol dan Jazmy Juma.

Dalam dunia digital, Mira Burger menjuarai kategori foodie, Dibo unggul kategori sukan, manakala Eima Safuan mengetuai kategori kecantikan & fesyen.

Datuk Aznil Nawawi kekal sebagai hos digital paling berpengaruh, manakala Shabina mendominasi dunia hiburan digital. Di layar kaca, 'Rumah Tanpa Luka' menjadi drama paling trending, diikuti 'Thariq Ridzuwan' dan 'Setia Itu Mahal'.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Video Muzik Trending

1. Lebih Indah Berpisah - Bella Astillah & Ade Govinda
2. P Ramlee Saloma - ALPHA
3. Alangkah - Hael Husaini
4. Sesaat - Aina Abdul
5. Khai Bahar

TOP 5 Digital Creator Trending (Foodie)


1. Mira Burger
2. Capikkkkkk
3. Che Sayang Kitchen
4. Syiqin Azrin
5. Fatihah Hanapi

TOP 5 Digital Creator Trending (Sports)

1. Dibo
2. Tan Boon Heong
3. Johan Ghazali
4. Mikail Ghazali
5. Ankel S4m

TOP 5 Digital Creator Trending (Beauty & Fashion)

1. Eima Safuan
2. Cuna
3. Nana Lee
4. Allysha
5. Sandra Hanayu





Bahagia Yang Tertangguh Kini Jadi Fenomena! Ramai Yang Geram & Puji Keberkesanan Barisan Pelakon

Menyusuli kejayaan Mandul Bukan Pilihan, drama adaptasi novel Rissa Ahdiya iaitu *Bahagia Yang Tertangguh* pula kini menjadi fenomena.

Drama yang mengisahkan tentang seorang wanita terperangkap dalam perkahwinan dikawal kakak ipar dan terpaksa menanggung keluarga suami sehingga rumah tangganya musnah ini ternyata berjaya membuatkan penonton beremosi.

Dua watak yang mencetuskan huru-hara dalam drama ini iaitu Zakwan lakonan Izzue Islam dan juga Kak Ju iaitu Rozita Che Wan turut dibenci penonton.

Zakwan merupakan seorang suami yang tidak pernah segan meminta serta menggunakan duit isteri untuk kehidupannya. Dalam masa yang sama, dia juga menggunakan tiket seorang suami serta agama untuk menundukkan isterinya, Hana yang dibawakan oleh Nad Zainal.

Bukan itu sahaja, watak Kak Ju yang dipegang Rozita Che Wan juga tidak kurang hebat apabila dia merupakan seorang kakak ipar bersikap toksik sehingga menjadi punca kepada kehancuran rumah tangga adiknya.

Lakonann Nad Zainal juga turut memberikan impak yang besar lebih lagi drama ini boleh dianggap sebagai 'comeback' buat pelakon hebat ini.

Maka tidak hairanlah drama ini meraih perhatian ramai sehingga membuatkan penonton sakit hati.

Malah penonton juga memuji drama ini kerana jalan ceritanya begitu dekat dengan masyarakat selain menunjukkan realiti sebenar kehidupan harus dihadapi oleh segelintir mereka yang sudah berumah tangga.

Drama *Bahagia Yang Tertangguh* karya Osman Ali ini menampilkan barisan pelakon hebat yang diterajui oleh Nad Zainal, Izzue Islam, Rozita Che Wan, Kamal Adli dan Datin Seri Nina Jureen.

Bahagia Yang Tertangguh bersiaran setiap Isnin hingga Khamis, jam 10 malam di Astro Ria dan strim di Sooka.



Der Diumumkan Sebagai Juara Penyampai Baharu ERA

Menepati ramalan, Der diumumkan sebagai juara penyampai baru ERA yang diadakan sejak awal Oktober lalu oleh stesen radio ERA. Kemenangan itu sekaligus membuatkan Der membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM3,000 berserta trofi.

Sementara itu, gelaran naib juara pula menjadi milik Ashhrapp yang memenangi wang tunai sebanyak RM2,000 beserta trofi. Tempat ketiga dan keempat disandang oleh Aqil Aqasha dan Zeera Azizi, dengan masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000 dan RM500 berserta trofi kemenangan. Manakala Naja pula di tempat kelima, membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM500 dan trofi.

Dalam pada itu, Harezkyol dan Edelyn terpaksa berpuas hati di kedudukan keenam dan ketujuh, membawa pulang hadiah wang tunai RM300 termasuk trofi kemenangan masing-masing. Untuk info, kali terakhir sesi ujibakat ini diadakan adalah pada tahun 2019, dan ia telah melahirkan penyampai berbakat seperti Radin (2014) dan Munabella (2019) yang kini menjadi antara suara penting dalam dunia penyiaran radio tempatan.

Pencarian ini adalah sebahagian daripada komitmen ERA untuk terus berkembang dan menyesuaikan diri dengan perubahan trend media serta kehendak pendengar. Dengan adanya penyampai baharu yang berbakat dan bersemangat, ERA yakin dapat terus menjadi stesen radio pilihan utama rakyat Malaysia.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, ikuti ERA di semua platform media sosial rasmi.



Zizi Kirana & 7 Ikon Negara Warnai Pentas 'The Quiet Power' Hatta Dolmat

Pereka fesyen tersohor, Hatta Dolmat, tampil dengan koleksi modest terbaharu bertajuk The Quiet Power sempena Fashionably Modest Asia (FMA) 2025 yang berlangsung di Pavilion Arena, Damansara Heights.

Koleksi itu menampilkan gabungan luar biasa antara fesyen dan semangat nasional, dengan memilih barisan tujuh wirawati Malaysia dari arena sukan sebagai ikon utama.

Antara atlet yang turut serta ialah Juara Dunia Lawn Bowl 2023, Nor Farah Ain; pemain skuad bola jaring kebangsaan, Noramirah Dayana Noor Azhar; perenang muda, Isabelle Chiyi Buckley; atlet bola sepak wanita, Nur Izwani Azman; atlet boling wanita, Natasha Mohamed Roslan; pemain boling negara, Nur Hazirah Ramli; dan pendaki, Siti NurSara.

Sosok Zizi Kirana melengkapkan barisan ikon ini, menampilkan ketabahan melalui penyertaannya dalam misi kemanusiaan Global Sumud Flotilla ke Gaza sebelum ini, yang melangkaui statusnya sebagai selebriti untuk berjuang membanteras penindasan.

Pereka fesyen itu menjelaskan, tema The Quiet Power membawa maksud kekuatan dalam ketenangan, yang dipancarkan melalui koleksi yang tampil berbeza dan berani.

Konsert GenKRU The Finale: One More Time Gegarkan Bukit Jalil, Juliana Banos & Rabbani Curi Tumpuan!

Pentas Stadium Nasional Hoki Bukit Jalil bergema dengan sorakan peminat sempena konsert GenKRU The Finale: One More Time.

Acara gilang-gemilang ini menjadi konsert kelima yang dipersembahkan oleh tiga adik-beradik legenda muzik tanah air, Norman, Yusry dan Edry Abdul Halim, dalam tempoh setengah tahun.


Lebih dua puluh lagu popular hasil ciptaan dan nyanyian KRU dipersembahkan malam itu. Antaranya termasuk lagu Oh La La, Emilia, Apa Saja, Negatif, Jangan Lafazkan dan Fanatik yang mengimbau nostalgia zaman kegemilangan mereka.


Persembahan turut diserikan dengan penampilan istimewa Elite, penyanyi baharu Leona serta figura sensasi Datuk Seri Vida yang menyuntik elemen kejutan kepada persembahan.

Salah satu detik yang paling mengejutkan penonton ialah kemunculan Juliana Banos yang tampil berduet bersama Edry menerusi lagu Sehidup Semati selepas hampir dua puluh tahun tidak muncul di pentas hiburan.

Turut mencuri perhatian ialah persembahan bersama Adam AF dan kumpulan Rabbani menerusi lagu Intifada, yang berjaya memukau para penonton dan menyemarakkan suasana malam tersebut.

Kehadiran hampir sepuluh ribu penonton membuktikan jenama KRU masih kuat dan berpengaruh, serta terus mencorakkan sejarah muzik Malaysia menerusi konsert yang penuh kenangan dan emosi ini. - AMIRUL ILYASHA





Tun Laila
@yarafae

Apa Beza Timbalan Pendakwa Raya & Peguam Bela? Ini Penjelasan Tun Laila

Mungkin ada yang sudah tahu namun mungkin juga ada yang masih kurang pasti apakah sebenarnya perbezaan antara Timbalan Pendakwa Raya (DPP) dan peguam bela dalam sistem kehakiman Malaysia.

Peguam dan pengarah, Tun Laila menjelaskan Timbalan Pendakwa Raya dan Peguam Bela mempunyai fungsi yang berlainan dalam sistem kehakiman Malaysia. Dalam satu perbicaraan mahkamah, terdapat beberapa pihak utama yang memastikan sistem keadilan berjalan dengan sempurna.

Sistem itu terdiri daripada:

Hakim: Individu yang membuat keputusan dan menjatuhkan hukuman.

Saksi: Memberi keterangan berdasarkan peristiwa sebenar yang dialami atau dilihat.

DPP (Timbalan Pendakwa Raya): Bertindak sebagai pendakwa atau pihak yang menuduh orang kena tuduh (OKT).

Peguam Bela: Mewakili OKT untuk memastikan haknya dibela dan mempertahankan diri.

Peranan DPP: Pastikan Elemen Kes Lengkap Sebelum Menuduh

Tun Laila menjelaskan, sebelum DPP menuduh seseorang, mereka perlu memastikan semua elemen pertuduhan memenuhi syarat sesuatu kesalahan. Sebagai contoh, bagi kesalahan rogol di bawah Seksyen 376, DPP perlu melengkapkan setiap elemen kes tersebut mengikut undang-undang sebelum membawa pertuduhan ke mahkamah.

"DPP juga perlu bekerjasama rapat dengan pegawai penyiasat polis untuk menyiasat kejadian dengan terperinci sebelum membuat tuduhan," jelasnya.

Peranan Peguam Bela: Semak Ketepatan Tuduhan

Sementara itu, peguam bela pula bertindak untuk membela OKT dengan meneliti semula sama ada elemen pertuduhan yang dibangkitkan oleh DPP benar-benar dipenuhi.

"Walaupun pendakwa raya sudah tuduh, peguam akan tengok semula betul atau tidak elemen itu dipenuhi," katanya.

Dalam kes jenayah, prosesnya dimulakan dengan kes pendakwaan, di mana DPP perlu membuktikan pertuduhan terlebih dahulu. Jika elemen kes dapat dibuktikan, barulah kes pembelaan akan dimulakan oleh pihak peguam bela. Proses ini memastikan perbicaraan berjalan secara adil dan mengikut prosedur undang-undang yang ditetapkan.


Mengakhiri penjelasannya, Tun Laila menegaskan bahawa setiap individu dalam mahkamah tidak kira sama ada hakim, DPP, peguam, saksi mahupun polis mempunyai peranan yang penting untuk memastikan sistem kehakiman berjalan dengan baik.

Why Fresh Flowers Are Banned In Chemotherapy Wards

Fresh flowers may seem like a thoughtful gift, but they are actually not allowed in chemotherapy wards because they can carry microorganisms and invisible pests that pose a serious infection risk to patients with weakened immune systems.

According to the National Cancer Institute, even minimal exposure to bacteria, pollen, or mold can be harmful during treatment. Their strong fragrances can also trigger nausea or allergies, which are common side effects of chemotherapy.

For these reasons, many hospitals prohibit fresh flowers in chemo units and recommend safer alternatives like unscented artificial flowers, fruit baskets, or light reading materials instead.



A Spa Day... Behind Bars

Kajang Prison has surprised many Malaysians by offering a full range of spa and grooming services behind bars, transforming part of the facility into a women-only wellness centre.

Visitors can book treatments such as massages, facials, haircuts, body scrubs and even sauna sessions, all carried out by trained inmates under supervision.

Prices are affordable, with popular two-hour packages starting around RM140, while individual services like haircuts or foot massages can be booked on their own.



Malaysia Welcomes New Panda Pair

Two giant pandas named Chen Xing and Xiao Yue have safely arrived in Malaysia on 18 November 2025 and will stay for ten years at Zoo Negara under a renewed conservation agreement with China.

The pandas will undergo a mandatory one-month quarantine at the zoo's Giant Panda Conservation Centre before being opened to the public.

Their arrival is hailed as a symbol of enduring friendship between Malaysia and China, and anticipation is high among panda fans nationwide.